

UMS terap keusahawanan kalangan pelajar

NST 28.4.16 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memberi pendedahan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan kepada para pelajarnya.

UMS melalui Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perkaunan (FPEP) kelmarin sekali lagi mengambil pendekatan itu dengan mengadakan program jualan amal 'Car Boot Sale' di tapak letak kereta FPEP.

Penyelaras program, Dr. Mohd. Rahimie Abd Karim berkata, program itu menjadi platform bagi melatih dan memperkasa kemahiran insaniah para pelajar khususnya dalam urusan jual beli.

"Dalam masa yang sama, para pelajar juga terdedah dengan teknik komunikasi berkesan melalui hubungan dua hala bersama pelanggan yang datang ke gerai masing-masing," katanya ketika ditemui media pada program itu.

Beliau berkata, program pada kali ini juga turut melibatkan beberapa peniaga luar selain membuka peluang kepada kakitangan UMS untuk sama-sama mengadakan jualan.

"Kita sangat gembira kerana mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah daripada kalangan peniaga luar dan kakitangan UMS sendiri.

"Saya berharap penglibatan seumpama ini akan terus berpanjangan dalam acara serupa pada masa akan datang," ujar Dr. Rahimie yang juga Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar), Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Sebahagian daripada sewaan lot turut




JUALAN... Sekitar Car Boot Sale FPEP UMS.

laksanakan FPEP UMS.

Katanya, penganjuran program seumpama itu amat bertepatan dalam mendidik mahasiswa untuk mendekatkan diri dengan komuniti sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim antara UMS dengan masyarakat.

"Ini juga merupakan satu pendedahan yang wajar untuk para pelajar bagi mengalami sendiri perhubungan dengan komuniti untuk bekalan bermanfaat di alam kerja selepas tamat pengajian kelak.

"Kita juga berterima kasih kerana pihak FPEP kerana menyediakan lot untuk PISTA mengadakan jualan pada program ini," katanya.



DR RAHIMIE...latih pelajar urusan jual beli.

disumbangkan kepada Persatuan Ibu Tunggal Sabah (PITSA).

Sementara itu, Presiden PITSA, Norhanida Annol menyambut baik dan berterima kasih atas inisiatif yang di-

NORHANIDA...sambut baik program berkenaan.